



KENYATAAN MEDIA LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Untuk Siaran Segera

Kenyataan Media ini dikeluarkan sebagai maklum balas kepada isu yang dibangkitkan oleh Akhbar Utusan Malaysia bertarikh 15 dan 22 Jun 2014 bertajuk “Layanan Istimewa LHDNM?”.

Sebagai sebuah agensi yang diberikan tanggungjawab oleh pihak kerajaan untuk memungut hasil utama negara, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) sentiasa memberikan penekanan terhadap amalan integriti serta tadbir urus korporat yang terbaik demi memastikan tiada ketirisan dalam kutipan cukai dan hasil kerajaan. LHDNM juga komited memberikan layanan yang saksama tanpa diskriminasi serta prejudis kepada semua pembayar cukai dan pelanggannya.

Di sini LHDNM ingin menjelaskan bahawa tindakan penguatkuasaan terhadap setiap pembayar cukai adalah berdasarkan kepada peruntukan undang-undang di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Tindakan audit serta siasatan cukai pula dilakukan selaras dengan prosedur operasi standard (SOP) seperti mana yang terkandung dalam Rangka Kerja Audit dan Rangka Kerja Siasatan Cukai yang boleh dicapai oleh orang ramai melalui Portal Rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my.

Akta Cukai Pendapatan 1967 memperuntukkan pembayar cukai mempunyai hak untuk membuat rayuan terhadap sebarang taksiran yang dibangkitkan (sama ada melalui aktiviti audit atau siasatan) serta aturan bayaran cukai yang hendak mereka lakukan secara ansuran. Prosedur serta kaedah untuk membuat rayuan tersebut juga boleh dicapai melalui portal rasmi LHDNM atau pautan berikut:

<http://www.hasil.gov.my/goindex.php?kump=5&skum=1&posi=9&unit=1&sequ=1>

Harap maklum bahawa keputusan LHDNM dalam mempertimbangkan rayuan setiap pembayar cukai ke atas sesuatu taksiran yang melibatkan amaun cukai, penalti dan ansuran bayaran adalah berdasarkan kepada fakta setiap kes dan bukti melalui dokumen sokongan yang dikemukakan oleh pembayar cukai. Sebagai contoh, pertimbangan yang diberikan oleh LHDNM terhadap rayuan setiap pembayar cukai adalah berdasarkan rekod ketidakpatuhan dan kekerapan kesalahan yang pernah dilakukan oleh mereka seperti lewat hantar borang nyata dan tidak atau terkurang melaporkan pendapatan serta rekod bayaran cukai mereka.

Di dalam mempertimbangkan bayaran ansuran, LHDNM akan meneliti kedudukan kewangan dan aliran tunai pembayar cukai agar mereka mempunyai kemampuan untuk melunaskan tunggakan cukai tersebut. Pertimbangan-pertimbangan ini adalah terpakai kepada setiap pembayar cukai yang membuat rayuan kepada LHDNM.

LHDNM juga tidak boleh mendedahkan sebarang maklumat percukaian dan tindakan yang telah diambil ke atas pembayar cukai. Ketetapan ini adalah selaras dengan peruntukan kerahsiaan maklumat di bawah seksyen 138 Akta Cukai Pendapatan 1967 yang menyatakan bahawa maklumat percukaian adalah sulit dan tidak boleh didedah atau dibincangkan dengan mana-mana pihak. Maklumat tersebut hanya boleh didedahkan sekiranya pendakwaan telah dimulakan di mana-mana mahkamah.

Di kesempatan ini, LHDNM ingin menyeru sekiranya mana-mana pihak yang mempunyai maklumat berkenaan “layanan istimewa” mahu pun salah tadbir urus di LHDNM agar mengemukakan maklumat berserta bukti-bukti melalui e-mel aduan@hasil.gov.my untuk diberikan perhatian oleh Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM bagi membolehkan siasatan serta tindakan sewajarnya diambil.

LHDNM sentiasa menekankan amalan integriti korporat yang terbaik selaras dengan Ikrar Integriti Korporat yang ditandatangani dan disaksikan sendiri oleh Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 13 November 2013 yang lalu.

Sekian, terima kasih.

###

Dikeluarkan oleh:

Tan Sri Dr. Mohd Shukor Bin Hj. Mahfar
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Aras 18 Menara Hasil Cyberjaya
Persiaran Rimba Permai, Cyber 8, 63000 Cyberjaya
Tel: 03-83138801 / Faks: 03-83137801
e-mel: mohdshukor@hasil.gov.my / kphdn@hasil.gov.my

Tarikh : 22 Jun 2014 / Ahad

Kenyataan Media LHDNM, 22 Jun 2014

Headline	Layanan istimewa LHDN		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	22 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	366,469
Page No	1,11	Readership	1,099,407
Language	Malay	ArticleSize	509 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,403
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,208



Didakwa mengakibatkan kerajaan
kehilangan beratus-ratus juta ringgit

'Layanan istimewa' LHDN?

● Ketika rakyat biasa dikatakan 'diburu' habis-habisan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi menuntut cukai yang tertunggak, lain pula syarikat korporat besar yang didakwa diberikan 'layanan istimewa' oleh agensi itu.

● 'Layanan' itu termasuklah pembayaran secara ansuran dalam tempoh tidak munasabah dan pemotongan melampau bagi penalti kerana mempunyai cukai tertunggak.

● LHDN juga didakwa, membenarkan syarikat korporat membayar cukai tertunggak secara ansuran sehingga 24 bulan tanpa faedah.

● Tindakan itu didakwa menyebabkan kerajaan kehilangan ratusan juta ringgit.

Didakwa menyebabkan kerajaan hilang beratus juta ringgit

Headline	Layanan istimewa LHDN		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	22 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	366,469
Page No	1,11	Readership	1,099,407
Language	Malay	ArticleSize	509 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,403
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,208

'Layanan istimewa' LHDN?

KUALA LUMPUR 21 Jun -

Tindakan pengurusan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang didakwa memberikan 'layanan istimewa' kepada syarikat korporat besar dalam urusan pembayaran cukai menyebabkan kerajaan kehilangan beratus-ratus juta ringgit.

Satu sumber mendakwa, 'layanan' itu termasuklah pembayaran secara ansuran dalam tempoh yang dianggap tidak munasabah dan pemotongan melampau bagi penalti yang dikenakan kerana mempunyai cukai tertunggak.

"Apa yang lebih malang, ada syarikat korporat ini yang dibenarkan membayar cukai tertunggak secara ansuran antara 18 bulan hingga 24 bulan tanpa dikenakan faedah. Sepatutnya apabila mereka meminta untuk membuat pembayaran cara demikian mereka harus dikenakan faedah. Lebih parah penalti yang rendah dan bayaran ansuran tanpa faedah dikenakan selepas siasatan dan serbuan dilakukan," katanya.

Difahamkan kehilangan besar kepada pendapatan negara itu turut berlaku kerana terdapat syarikat korporat yang diberi diskaun penalti di bawah 20 peratus walaupun sepatutnya mereka dikenakan penalti lebih besar lagi.

Berikutan sikap LHDN itu juga dikatakan menyebabkan agensi tersebut gagal mencapai sasaran kutipan seperti mana berlaku pada tahun lalu.

Mingguan Malaysia dalam ruangan *Bisik-Bisik Awang Selamat* pada 15 Jun lalu mempersoalkan tindakan LHDN yang lebih tunjuk taring kepada pembayar cukai individu berbanding hartawan dan syarikat besar.

Menurut *Awang Selamat*, ada cakap-cakap berlegar bagaimana seorang bilionair boleh mendapat 'diskaun' lebih RM100 juta dan dibenarkan membuat bayaran cukai tertunggak secara ansuran dalam tempoh yang panjang.

Sumber itu mendakwa, sepatutnya jika benar LHDN mahu mem-

Headline	Layanan istimewa LHDN		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	22 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	366,469
Page No	1,11	Readership	1,099,407
Language	Malay	ArticleSize	509 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,403
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,208

beri pengajaran kepada golongan yang ingkar membawa cukai, mereka tidak sepatutnya memberi diskaun.

“Maksudnya, apabila mereka didapati ingkar membayar cukai dan hanya berbuat demikian selepas serbuan dilakukan mereka sepatutnya sama sekali tidak harus diberikan diskaun.

“Begitu juga bagi pembayaran secara ansuran, kadar faedah yang sepatutnya dikenakan perlu tetap dan spesifik mengikut tempoh yang dipohon,” katanya.

Sumber itu seterusnya mendakwa, ada kes pengurusan LHDN memotong jumlah yang telah ditafsirkan oleh pegawai-pegawai yang

menjalankan siasatan.

“Tindakan itu menjatuhkan moral pegawai untuk melaksanakan taksiran di dalam kes yang melibatkan syarikat korporat besar memandangkan jumlah yang mereka taksirkan dipersoal dan dikurangkan,” katanya.

Malah, kata sumber itu, soal ketelusan juga timbul apabila syarikat-syarikat korporat besar boleh melantik ejen cukai yang kebetulan bekas pegawai LHDN dan mempunyai hubungan yang rapat dengan pegawai atasan lembaga itu.

“Ada dakwaan yang menyatakan ejen cukai itu dibayar berdasarkan peratusan daripada jumlah cukai yang dapat dikurangkan,” katanya.

Sehubungan itu, sumber tersebut mendesak kerajaan melihat apa yang berlaku secara serius dengan mengkaji semula kuasa budi bicara yang diberikan kepada pengurusan

LHDN.

“Selain itu kerajaan juga perlu mengkaji kaedah jumlah penalti yang dikenakan dan pembayaran secara telus dan spesifik yang terpakai kepada semua golongan tidak kira sama ada peniaga kecil, syarikat korporat, pegawai kerajaan ataupun orang biasa,” katanya.



Oleh ZULKIFLEE BAKAR
dan SITI ROHAIZAH ZAINAL



Antara kesalahan, denda dan penalti

Jenis Kesalahan	Peruntukan Di Bawah ACP 1967	Jumlah Denda (RM)
• Tidak mengembalikan Borang Nyata Cukai Pendapatan	112(1)	200 hingga 2,000 / penjara / kedua-duanya
• Tidak memaklumkan layak dikenakan cukai	112(1)	200 hingga 2,000 / penjara / kedua-duanya
• Tidak melaporkan pendapatan sebenar di dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan	113(1)(a)	1,000 hingga 10,000 dan 200% atas cukai terkurang lapor
• Memberi maklumat tidak tepat mengenai tanggungan cukai sendiri / orang lain	113(1)(b)	1,000 hingga 10,000 dan 200% atas cukai terkurang lapor
• Sengaja mengelak cukai / membantu orang lain mengelak cukai	114(1)	1,000 hingga 20,000 / penjara / kedua-duanya dan 300% atas cukai terkurang lapor
• Membantu / menasihati orang	114(1A)	2,000 hingga 20,000 / penjara / kedua-duanya

Headline	Layanan istimewa LHDN beri penjelasan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	1,10	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	433 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,558
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,674



Layanan istimewa: LHDN beri penjelasan

Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sentiasa memberikan penekanan terhadap amalan integriti serta tadbir urus korporat yang terbaik demi memastikan tiada ketirisan dalam kutipan cukai dan hasil kerajaan. LHDN juga komited memberikan layanan yang saksama tanpa diskriminasi serta prejudis kepada semua pembayar cukai dan pelanggannya.



TAN SRI DR. MOHD. SHUKOR
MAHFAR
Ketua Pegawai Eksekutif LHDN

BERITA DI MUKA 10

LHDN jawab isu layanan istimewa

KUALA LUMPUR 22 Jun - Laporan eksklusif akhbar Minggu Malaysia hari ini mengenai dakwaan layanan istimewa yang diberikan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) kepada syarikat korporat dalam menuntut cukai tertunggak sehingga mengakibatkan kerajaan kehilangan hasil beratus juta ringgit, mengejutkan banyak pihak.

Layanan tersebut termasuklah pembayaran secara ansuran dalam tempoh tidak munasabah dan potongan melampau bagi penalti kerana mempunyai cukai tertun-

Headline	Layanan istimewa LHDN beri penjelasan		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	1,10	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	433 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,558
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,674

gak.

Ekoran daripada laporan tersebut Ketua Pegawai Eksekutif LHDN, Tan Sri Dr. Mohd. Shukor Mahfar tampil memberi penjelasan. Berikut kenyataan penuh beliau:-

Kenyataan Media ini dikeluarkan sebagai maklum balas kepada isu yang dibangkitkan oleh akhbar Mingguan Malaysia bertarikh 15 dan 22 Jun 2014 bertajuk "Layanan Istimewa LHDN?".

Sebagai sebuah agensi yang diberikan tanggungjawab oleh pihak kerajaan untuk memungut hasil utama negara, LHDN sentiasa memberikan penekanan terhadap amalan integriti serta tadbir urus korporat yang terbaik demi memastikan tiada ketirisan dalam kutipan

cukai dan hasil kerajaan. LHDN juga komited memberikan layanan yang saksama tanpa diskriminasi serta prejudis kepada semua pembayar cukai dan pelanggannya.

Di sini LHDN ingin menjelaskan bahawa tindakan penguatkuasaan terhadap setiap pembayar cukai adalah berdasarkan kepada peruntukan undang-undang di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Tindakan audit serta siasatan cukai pula dilakukan selaras dengan prosedur operasi standard

(SOP) seperti mana yang terkandung dalam Rangka Kerja Audit dan Rangka Kerja Siasatan Cukai yang boleh dicapai oleh orang ramai melalui Portal Rasmi LHDN di www.hasil.gov.my.

Akta Cukai Pendapatan 1967 memperuntukkan pembayar cukai mempunyai hak untuk membuat rayuan terhadap sebarang taksiran yang dibangkitkan (sama ada melalui aktiviti audit atau siasatan) serta aturan bayaran cukai yang hendak mereka lakukan secara ansuran.

Prosedur serta kaedah untuk membuat rayuan tersebut juga boleh dicapai melalui portal rasmi LHDN atau pautan berikut:

<http://www.hasil.gov.my/goindex.php?kump=5&skum=1&posi=9&unit=1&sequ=1>

Harap maklum bahawa keputusan LHDN dalam mempertimbangkan rayuan setiap pembayar cukai ke atas sesuatu taksiran yang melibatkan amaun cukai, penalti dan ansuran bayaran adalah berdasarkan kepada fakta setiap kes dan bukti melalui dokumen sokongan yang dikemukakan oleh pembayar cukai.

Sebagai contoh, pertimbangan yang diberikan oleh LHDN terhadap rayuan setiap pembayar cukai adalah berdasarkan rekod ketidakpatuhan dan kekerapan kesalahan yang pernah dilakukan oleh mereka seperti lewat hantar borang nyata dan tidak atau terkurang melaporkan pendapatan serta rekod bayaran cukai mereka.

Dalam mempertimbangkan bayaran ansuran, LHDN akan meneliti kedudukan kewangan dan aliran tunai pembayar cukai agar mereka mempunyai kemampuan untuk melunaskan tunggakan cukai tersebut.

Pertimbangan-pertimbangan ini adalah terpakai kepada setiap pembayar cukai yang membuat rayuan kepada LHDN.

LHDN juga tidak boleh mendedahkan sebarang maklumat percukaian dan tindakan yang telah diambil ke atas pembayar cukai. Ketetapan ini adalah selaras dengan peruntukan kerahsiaan maklumat di bawah seksyen 138 Akta Cukai Pendapatan 1967 yang menyatakan bahawa maklumat percukaian adalah sulit dan tidak boleh didedahkan atau dibincangkan dengan mana-mana pihak. Maklumat tersebut hanya boleh didedahkan sekiranya pendakwaan telah dimulakan di mana-mana mahkamah.

Di kesempatan ini, LHDN ingin menyeru sekiranya mana-mana pihak yang mempunyai maklumat berkenaan "layanan istimewa" mahu pun salah tadbir urus di LHDN agar mengemukakan maklumat berserta bukti-bukti melalui e-mel aduan@hasil.gov.my untuk diberikan perhatian oleh Ketua Pegawai Eksekutif LHDN bagi membolehkan siasatan serta tindakan sewajarnya diambil.

LHDN sentiasa menekankan amalan integriti korporat yang terbaik selaras dengan Ikrar Integriti Korporat yang ditandatangani dan disaksikan sendiri oleh Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 13 November 2013 yang lalu.

Sekian, terima kasih.

